

**GARIS PANDUAN PENGECUALIAN LATIHAN INDUSTRI (SKAA 3045/SKAB 3045/ SEAA 3045) BAGI
PENGAJIAN SEPARUH MASA (SPACE) FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM**

- Pelajar yang layak memohon dan dipertimbangkan untuk pengecualian Latihan Industri adalah mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 1. Pelajar lepasan diploma, dan
 2. Pengalaman kerja industri melebihi 12 bulan di dalam bidang berkaitan kejuruteraan awam pada tahap yang bersesuaian.
- Pelajar boleh memohon dengan menghantar laporan permohonan pengecualian latihan industri bermula semester 7.
- Pelajar perlu mengemukakan laporan pengecualian latihan industri mengikut format yang telah ditetapkan dan disahkan oleh majikan.
- Pelajar juga mesti memenuhi syarat temuduga yang akan dilakukan oleh panel penemuduga yang dilantik oleh pihak Fakulti Kejuruteraan Awam
- Pada setiap semester pelajar akan diberi taklimat berkaitan syarat, format dan kandungan laporan yang perlu dihantar
- Permohonan pengecualian pada semester yang dipilih perlu diselesaikan pada semester tersebut. Sekiranya laporan akhir yang lengkap tidak dihantar pada semester tersebut pelajar perlu memohon dan menghantar kembali laporan dan ditemuduga sekali lagi pada semester yang lain.
- Pelajar akan menerima surat lulus pengecualian latihan industri setelah panel penilai memberi kelulusan.
- Selepas menerima surat lulus pengecualian latihan industri, pelajar perlu menghantar borang pengecualian beserta surat lulus kepada pembantu tadbir fakulti dan mendapat pengesahan Pengurus Akademik Program Luar FKA (PAPL FKA).

**GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PENGAJIAN SEPARUH MASA (SPACE) FAKULTI
KEJURUTERAAN AWAM**

- Pelajar yang tidak memperolehi atau tidak layak memohon pengecualian Latihan Industri perlu mengikuti Latihan Industri dengan syarat yang sama seperti pelajar sepenuh masa (perdana) selepas semester 8.
- Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus lain semasa menjalani Latihan Industri.
- Pelajar perlu mencari syarikat yang bersesuaian, memohon dan menjalankan latihan industri di syarikat yang berkaitan dengan Kejuruteraan Awam
- Tempoh masa latihan industri adalah tidak kurang daripada 12 minggu/ 84 hari.
- Pelajar perlu merujuk buku panduan latihan industri seperti yang boleh diperolehi di laman web SPACE FKA.
- Pelajar perlu mengisi logbook harian yang akan disahkan oleh penyelia di syarikat pelajar menjalankan Latihan industri.
- Panel penemuduga akan menemuduga pelajar yang menjalani latihan industri dan berbincang dengan penyelia latihan industri pelajar berkaitan prestasi pelajar tersebut.
- Pelajar perlu menyiapkan dan menghantar laporan selepas tamat Latihan industri untuk dinilai oleh panel yang dilantik.